

# **ANALISA ISU-ISU TERPILIH DALAM *KITAB RISALAH FI BAYAN HUKM AL-BAY' WA AL-RIBA* OLEH SYEIKH ABDUL QADIR BIN ABDUL RAHIM BUKIT BAYAS BERDASARKAN KONSEP MASLAHAH**

**Hasanulddin bin Mohd<sup>1</sup>  
Zurita binti Mohd Yusoff<sup>2</sup>  
Abdul Karim Ali<sup>3</sup>**

## **ABSTRAK**

*Kitab Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba* ialah sebuah kitab fiqh Melayu yang kurang dikenali masyarakat. Ia dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, mufti kerajaan Negeri Terengganu yang pertama (1839-1853M) Ia merupakan antara rujukan yang perlu diberikan perhatian, khususnya dalam membicarakan fiqh muamalat. Kajian akan mengenengahkan biodata ringkas pengarang, dan seterusnya membicarakan isu-isu terpilih dalam kitab beliau tersebut, berdasarkan konsep masalahah. Data dikumpul daripada metode dokumentasi dan persejaraan, tinjauan perpustakaan, dan temubual. Ia seterusnya dianalisis menggunakan metode analisis kandungan yang khususnya melibatkan kaedah deduktif (*istinbat*), induktif (*istiqrā'*) dan komparatif. Kajian mendapati bahawa pengarang komited menjadikan masalahah sebagai satu keutamaan dalam mengeluarkan hukum, di samping bijak menyesuaikan permasalahan fiqh muamalat menurut acuan tempatan. Kitab beliau ini seharusnya mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat kini agar mereka dapat mengambil manfaat daripadanya. Kesimpulannya, penekanan terhadap konsep masalahah dalam perbincangan hukum sememangnya tidak diabaikan oleh Syeikh Abdul Qadir dalam kitab beliau ini, kesemuanya dalam kerangka dan garis panduan yang telah ditentukan oleh syarak.

**Kata Kunci :** Isu-isu Terpilih, *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*, konsep masalahah

<sup>1</sup> Penulis ialah Pensyarah Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

<sup>2</sup> Penulis ialah Pensyarah Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

<sup>3</sup> Penulis ialah Professor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## Pengenalan

Kitab *Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba* ialah sebuah kitab fiqh yang ditulis dalam bahasa Melayu pada awal kurun ke 19 Masihi. Ia dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas selaku Mufti Kerajaan Negeri Terengganu yang pertama. Kemunculan kitab ini diyakini telah memberi impak yang tidak sedikit kepada masyarakat Islam ketika itu, khususnya dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul berkaitan dengan hukum berjual beli. Namun, warisan berharga ini hampir dilupakan disebabkan tiada usaha memuliharanya dan juga tidak pernah diketengahkan dalam bentuk kajian ilmiah yang mendalam. Bilangan naskhah kitab ini yang sangat terhad pada ketika ini telah menjadikannya sebagai sebuah koleksi yang nadir. (Wan Mohd Saghir 1997, 7)

Sehubungan dengan itu, penulisan ini cuba mengenengahkan kitab karya Syeikh tersebut yang masih dalam bentuk manuskrip serta membuat tinjauan dan analisis terhadap beberapa isu yang terpilih dari perspektif *masalahah*. Terlebih dahulu, kertas ini akan memperkenalkan riwayat hidup Syeikh Abdul Qadir secara sepintas lalu untuk lebih mendekati ketokohan beliau.

### 1 Latar belakang Pengarang

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas merupakan salah seorang ulama yang paling berpengaruh di Terengganu pada kurun ke-19. Ramai tokoh dan ulama yang dilahirkan di Terengganu adalah hasil didikan beliau. Mereka termasuklah Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan lain-lain (Wan Mohd Saghir 2009, 37-40). Nama lengkap beliau ialah Syeikh Wan Abdul Qadir bin Wan Abdul Rahim bin Wan Deraman bin Wan Bakar bin Wan Ismail bin Faqih Ali al-Malbari. (Wan Mohd Saghir 1997, 18-19; Ismail Che Daud, 18 September 2010). Beliau dilahirkan di Patani pada suatu tarikh yang tidak diketahui (Ahmad Fathy al-Fatani 2002, 250). Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa pondok pengajian di Patani. Seterusnya, beliau menyambung pengajiannya di Makkah, di samping terdapat catatan menyebutkan bahawa beliau juga sempat menuntut ilmu di Madinah. Setelah mendalami ilmu pengetahuan di tanah suci, Syeikh Abdul Qadir pulang ke tanahair dan memilih Pulau Duyung di Terengganu sebagai persinggahan pertama. Di dalam negeri Terengganu ini, Syeikh Abdul Qadir menyampaikan ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan bertaklidkan mazhab Imam al-Shafie. Beliau mengajar pelbagai bidang yang merangkumi pengajian usuluddin, fiqh, tasauf dan lain-lain. Beliau juga telah

membina sebuah masjid di Kampung Bukit Bayas dan mula mengasaskan institusi pengajian pondok menurut tradisi di Patani. Oleh sebab beliau banyak memusatkan kegiatan keilmuannya di Bukit Bayas, maka terkenal namanya mulai saat itu dengan gelaran Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas (Wan Mohd Saghir 1997, 21-23). Terdapat beberapa karya yang cuba dinisbahkan kepada Syeikh Abdul Qadir, namun hanya satu-satunya karya beliau yang sah yang ditemui setakat ini ialah kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba*, yang selesai dikarang pada tahun 1234H (1819M). Dalam naskhah yang lain, ia turut diberi judul *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Bai'ie wa al-Shira'*. (Wan Mohd Saghir Abdullah 1997, 24-26; 2009, 37-40; 2000, 23-24). Syeikh Abdul Qadir diakui telah memberikan sumbangan yang besar kepada negeri Terengganu, khususnya dalam aspek dakwah dan keilmuan Islam. Pengaruhnya juga berkembang luas, sama ada terhadap masyarakat awam atau kerajaan negeri sendiri. Kemuncaknya ialah pada ketika dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu oleh Baginda Sultan Omar. Dengan nasihat beliau sebagai mufti, serta ditambah pula dengan minat Sultan Omar terhadap agama, menyebabkan dasar-dasar kerajaan negeri selari dengan ruh dan kehendak Islam. Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas akhirnya telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1864 Masihi di Kampung Paya Bunga. Riwayat lain menyebutkan bahawa beliau meninggal dunia di Bukit Bayas (Ahmad Fathy 2002, 250; Muhammad 1991, 148-150).

## **2 Analisis Isu-isu Terpilih dalam kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba* Berdasarkan Konsep *Maslahah***

Terdapat beberapa isu dalam kitab *Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba* yang akan dibahaskan mengikut konsep *maṣlahah*. Isu-isu yang dipilih ini diketengahkan untuk menggambarkan ketelitian pengarang dalam membahaskan hukum-hakam syarak dengan sebaik-baiknya agar *maṣlahahnya* dapat dikecapi oleh masyarakat sekelilingnya. Perlu disebut, bahawa sebagai seorang ulama yang hidup di tengah-tengah masyarakat, Syeikh Abdul Qadir dilihat mampu bergaul dengan mereka secara baik serta mendalami setiap permasalahan dalam kehidupan seharian mereka dan seterusnya menanganinya dengan bijaksana. Ini dapat dilihat daripada beberapa permasalahan hukum yang turut melibatkan pemakaian uruf atau adat masyarakat setempat. Beliau menunjukkan sikap keterbukaan dan fleksibiliti dalam hukum yang diperselisihkan oleh para ulama, sedangkan pada yang masa yang lain beliau memperlihatkan ketegasannya sekiranya uruf tersebut secara jelas menyalahi

syarak. Memandangkan batasan kajian, penulis akan mendatangkan dua sahaja contoh isu perbahasan hukum yang telah dikemukakan oleh pengarang bagi menjelaskan premis di atas :

## 2.1 Jual beli secara unjuk-mengunjuk

Antara contoh pemilihan hukum yang lebih longgar ialah keharusan jual beli secara unjuk mengunjuk. Pengarang dilihat turut mendatangkan pendapat yang mengharuskan kegiatan ini dengan beberapa hujah yang rasional dan konkrit. Antaranya ialah keperluan (*al-Hājah*) masyarakat terhadapnya, ia diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat (*'umūm al-balwā*), dan merupakan uruf dan adat para sahabat, tabiin dan golongan salaf. Justeru, tiada halangan untuk masyarakat pada zaman beliau untuk mengamalkan kaedah ini dalam jual beli mereka. Berikut ialah petikan kata-kata pengarang (Abdul Qadir 1234H, 10-11) :

*Kemudian berkata pula Imam Ghazālī : “Tiada mengapa jika kita cenderung kepada mazhab Imam Ḥanafī yang muwafaqah oleh setengah qaul Imam Shāfi‘ī yang disebutkan oleh Ibn Surayj itu karena sangat menyentuh hajat kepadanya. Dan lagi pula karena sangat am yang demikian itu antara segala makhluk dan lagi karena yang ghalib atas Dan dengan bahawa sesungguhnya yang demikian itu telah diadatkan oleh sahabat dan tabien dan orang yang salaf”.”*

Dari sudut yang lain, petikan ini juga menjelaskan bahawa meskipun pengarang komited dengan mazhab Imam al- Shāfi‘ī yang dipegangnya, beliau masih memberikan ruang kepada pandangan-pandangan lain, hatta daripada luar mazhab sekalipun. Ini jelas menunjukkan keterbukaan pengarang dalam meraikan kepelbagaian pendapat, apatah lagi pendapat yang mengharuskan jual beli secara unjuk-mengunjuk ini juga ada sandarannya dalam mazhab seperti yang telah disebutkan di dalam petikan tersebut (Hasanulddin Mohd *et. al* 2012, 266).

Dalam menelusuri kronologi perbahasan jual beli secara unjuk-mengunjuk dalam kitab *Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay‘ Wa Al-Riba* ini, pengarang sebenarnya memulakan perbahasan seputarnya dengan mengemukakan hukum yang keras iaitu pengharamannya secara mutlak. Ini kerana jual beli ini tidak memenuhi salah satu syarat sah jual beli, iaitu mestilah diakadkan dengan ijab kabul yang sah bagi menunjukkan tanda adanya keredhaan daripada kedua-dua belah pihak. Beliau menyatakan (Abdul Qadir 1234H, 8-9) :

*Dan redha itu pekerjaan yang tersembunyi tiada zahir atasnya, maka digantungkan hukum dengan sebab yang zahir yaitulah ijab dan kabul. Maka, tiadalah sah jual beli itu dengan berberi-berian. Maka mata benda yang diterima dengan berberi-berian itu seperti hukum mata benda yang diterima dengan jual beli yang batil. Maka wajiblah memulangkan oleh orang yang berjual itu akan harganya kepada orang yang membeli. Dan orang yang membeli itu wajiblah memulangkan mata benda itu kepada orang yang menjualnya jikalau ada maujud mata benda itu lagi. Dan wajib meganti jika lenyap. Inilah hukum yang di dalam dunia. Adapun hukum akhirat, maka tiada dituntut di sana daripada sekira-kira arta karena ada redhanya. Dan disyeksakan keduanya itu pada hari kiamat dengan sebab meninggalkan akad jua.*

Seterusnya, pengarang mendatangkan maksud jual beli secara unjuk-mengunjuk ini. Beliau menyatakan (Abdul Qadir 1234H, 9):

*Bermula Êrah berberi-berian itu bahawa muwāfaqah keduanya yakni orang yang membeli dan orang yang menjual atas harganya dan mata bendanya. Dan memberilah keduanya daripada tiada ijab dan kabul. Dan terkadang didapat lafaz salah suatu daripada keduanya jua. Inilah rupa berberi-berian yang tiada sah berjual beli dengan dia.*

Setelah mendatangkan hukum dan pengertian jual beli secara unjuk-mengunjuk ini, barulah beliau mendatangkan pendapat-pendapat yang lain, sama ada daripada dalam mazhab atau luar seperti yang telah dinyatakan pada awal perbahasan topik ini. Petikan-petikan lain yang turut berkaitan adalah seperti berikut (Abdul Qadir 1234H, 5):

*“Dan kata setengah ulama seperti Ibn Surayj dan Rūyānī : Ditetapkan harus jual beli dengan berberi-berian itu pada jual yang sedikit. Dan iaitu barang yang diadatkan orang berberi-berian padanya seperti seriġl gandum dan satu ikat daripada sayur-sayuran dan sekemping roti. Dan kata setengah ulama mengikut uruf negeri yang dikatakan sedikit, maka sah. Dan jika dikatakan banyak, tiada sah.”*

Seterusnya, beliau memetik pandangan daripada mazhab Hanafi (Abdul Qadir 1234H, 5):

*“Adapun yang hasilnya jual beli ini, manakala tiada dilaku antara yang menjual dan yang membeli itu melainkan berberi-berian dengan perbuatan jua, tiada dengan dilafazkan dengan lidah, nescaya tiada sah jualnya dan belinya itu sekali-kali pada mazhab Imam kita Shāfi‘ī radiy Allah ‘anh. Dan sah pada mazhab Imam Hanafī radiy Allah ‘anh jika ada pada suatu yang hayyin lagi sedikit harganya seperti membeli sayur-sayuran dan sedikit daripada buah-buahan dan roti dan daging.”*

Pandangan sebahagian ulama dalam mazhab dan mazhab Hnafi ini telah diberikan dalil dan justifikasi yang munasabah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Hal ini menunjukkan keterbukaan dan ketelusan pengarang kerana mengambil kira kedua-dua pandangan tersebut. Namun demikian, pengkaji berpandangan bahawa pengarang cenderung untuk memilih pandangan pertama yang tidak bersetuju dengan jual beli secara unjuk-mengunjuk ini. Berikut dipaparkan kesimpulan yang dibuat oleh beliau, dengan menyandarkan kepada kalam al-Ghazālī (Abdul Qadir 1234H, 11):

*Tetapinya, berkata pula Imam Ghazālī dengan katanya :*

*“Sebenarlh atas orang yang mendirikan agama Allah Taala bahawa jangan sekali-kali meninggalkan ia akan ijab dan kabul itu supaya keluar daripada syubhat khilaf, yakni supaya keluar daripada menyalahi Imam Shāfi‘ī. Dan jikalau sedikit sekalipun, maka sayugianyalah jangan meninggalkan akad jual beli padanya.”*

Dan sebagai penutup bicaranya dalam topik ini, beliau menyatakan (Abdul Qadir 1234H, 11):

*Kemudian berkata pula : “Adapun orang yang warak, maka bahawasanya sayugianya ia bahawa menuntut fatwa akan hatinya dan sayugianya ia memelihara akan tempat yang syubhat itu. Wa Allah A‘lam”.*

Dalam isu jual beli secara unjuk mengunjuk, terdapat beberapa pandangan ulama dalam mazhab Shāfi‘ī yang dirumuskan seperti berikut (Al-Shirbini 1994, 2:326; Al-Nawawi t.t., 9:190) :

- i) Tidak sah jual beli melainkan dengan ijab dan kabul. Justeru, jual beli secara unjuk-mengunjuk adalah tidak sah secara mutlak, sama ada pada barangan yang sedikit

- nilainya ataupun besar nilainya. Ini merupakan pendapat yang masyhur dalam mazhab seperti yang dinukilkan oleh al-Nawawī.
- ii) Jual beli secara unjuk-mengunjuk ini adalah sah secara mutlak. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn Surayj dengan meng*qiyā*skan kepada *qawl qadīm* al-Shāfi‘ī yang menyatakan bahawa binatang *al-hady* boleh menjadi nazar apabila sudah ditandakan oleh pemiliknya sekalipun tanpa lafaz, memadai dengan perbuatan tersebut sahaja.
  - iii) Jual beli ini hanya diharuskan dalam perkara yang kecil nilainya, tidak dalam barangan yang berharga. Pendapat ini telah dinaqalkan oleh al-Ghazālī, al-Mutawallī, al-Rāfi‘ī dan jumhur juga daripada Ibn Surayj. Pendapat yang dinaqalkan daripada Ibn Surayj ini lebih masyhur berbanding dengan riwayat bagi pendapat yang kedua tadi.
  - iv) Jual beli ini diharuskan dalam urusaniaga yang boleh dianggap sebagai jual beli. Ini kerana Allah telah menghalalkan jual beli dan tidak menetapkan sebarang lafaz baginya. Pendapat ini dipegang sebilangan ulama al-Shāfi‘iyyah seperti al-Mutawallī, al-Baghawī dan al-Rūyānī.
  - v) Jual beli ini diharuskan kepada mereka yang biasa melakukan transaksi jual beli seperti para peniaga dan orang awam yang sering berurusan dengan mereka. Sementara golongan yang lain mesti melakukan ijab dan kabul dalam urusaniaga mereka. Pendapat ini dinukilkan oleh al-Shirbīnī daripada sebahagian ulama.

Berdasarkan penelitian pengkaji, pendapat yang cenderung untuk dipilih ialah pendapat yang ketiga yang mengharuskan jual beli secara unjuk-mengunjuk dalam perkara yang kecil pada uruf masyarakat kerana mereka telah menerima urusaniaga sedemikian pada adat dan kebiasaan mereka. Sementara ijab kabul adalah diperlukan dalam transaksi barang yang lebih besar nilainya kerana sekiranya unjuk-mengunjuk dibenarkan secara mutlak, nescaya tidak akan nampak perbezaan antara jual beli dengan akad-akad muamalat yang lain seperti sewa, hibah, gadaian dan sebagainya. Ini kerana setiap urusaniaga ini mempunyai lafaz yang tertentu yang membezakan antara satu dengan yang lain. Tambahan pula, hukum ini boleh dibuat *qiyās* dengan ijab kabul dalam perkahwinan yang disepakati oleh para fuqaha’ akan keperluannya, dengan persamaan bahawa kedua-duanya adalah dalam perkara yang besar (Ibn ‘Abidin 1994, 4: 68; al-Qalisi 1997, 1:31; Al-Nawawi t.t., 9:191). Walaupun Syeikh Abdul Qadir dilihat seolah-olah memilih untuk mensyaratkan ijab dan kabul dalam setiap jual beli, pendapat tersebut berkemungkinan besar ditujukan kepada mana-mana individu yang cuba keluar daripada kekhilafan serta mencari ketenangan beramal dalam

agamanya. Sementara bagi masyarakat awam, mereka diberikan kemudahan untuk memilih mana-mana pandangan ulama yang bersesuaian dengan *mañlahah* dan keadaan mereka.

## 2.2 Jualan kitab-kitab yang mengandungi hikayat dan syair yang tidak mendatangkan manfaat

Antara contoh uruf yang rosak (*fāsīd*) yang berlaku pada zaman Syeikh Abdul Qadir ialah jualan kitab-kitab yang mengandungi hikayat-hikayat atau syair-syair tertentu yang tidak mendatangkan manfaat, bahkan boleh mengundang *mafsadah* dan mudarat. Pengarang dilihat begitu lantang bersuara dalam hal ini. Beliau menyebut (Abdul Qadir 1234H, 13):

*Dan demikian lagi tiada sah dijual segala kitab orang kafir dan kitab nujum dan falsafah dan segala hikayat yang dusta seperti Hikayat Seri Rama dan Surat Jawa dan Syair Kentabuhan dan barang sebagainya daripada syair dan hikayat yang tiada memberi manfaat.*

Perbincangan tentang pengharaman jual beli kitab-kitab ini dilakukan semasa beliau membahaskan syarat manfaat yang perlu ada pada barang yang ingin diniagakan. Justeru, pengharaman tersebut dinyatakan kerana pengarang beranggapan kitab-kitab yang dinyatakan itu tidak mempunyai manfaat yang diambil kira oleh syarak. Kitab-kitab tersebut termasuklah kitab-kitab yang dikarang oleh orang bukan Islam, kitab-kitab nujum atau ramalan nasib, kitab-kitab falsafah, hikayat dan syair yang tidak mendatangkan manfaat. Kitab-kitab hikayat dan syair ini turut diberikan contoh yang ada pada zaman pengarang, iaitu *Hikayat Seri Rama*<sup>4</sup>, *Serat Jawa*<sup>5</sup> dan *Syair Ken Tambuhan*<sup>6</sup>. Ia diyakini telah mendapat sambutan pada

<sup>4</sup> *Hikayat Seri Rama* adalah sebuah epik yang bersumberkan kepada kisah Ramayana yang merupakan salah satu karya dalam kesusasteraan Hindu lama. Dalam bahasa Melayu, hikayat ini mempunyai pelbagai versi. Antaranya ialah versi yang mengisahkan pertempuran Seri Rama dengan Rawana untuk mendapatkan isterinya, Sita Dewi semula setelah diculik olehnya. Dalam pertempuran tersebut, Seri Rama telah dibantu oleh Hanuman, Laksamana adiknya dan para penyokongnya. Peperangan tersebut berakhir dengan kejayaan bagi pihak Seri Rama dan isterinya dapat dikembalikan semula kepadanya. Riwayat lain pula menyebut beliau telah bertarung dengan seekor raksasa untuk mengambil semula isterinya tersebut. Walau bagaimanapun, hikayat ini telah turut menerima pengaruh Islam dengan jalan cerita dan istilah-istilah yang bercorak keislaman yang didapati di dalamnya, seperti kalimah Allah, Tuhan yang Maha Esa dan kisah Nabi Adam. Antara faktornya ialah sadurannya ke dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi telah dilakukan oleh para penulis yang mempunyai ilmu dan kefahaman Islam. Turut berperanan ialah suara ulama yang menolak segala unsur syirik dan khurafat dalam masyarakat ketika itu, termasuklah dalam karya-karya penulisan mereka. Lihat A.Bakar 1976, 58; Liaw Yock Fang 1978, 20; Hamdan 1980, 88; Ismail 1987, 126; Mohd Taib t.t.p, 33).

<sup>5</sup> Penulis tidak menemui karya yang berjudul *Serat Jawa* secara khusus. Barangkali ia merujuk kepada mana-mana serat atau buku yang berasal daripada masyarakat Jawa, seperti *Serat Rama* atau *Serat Rama Jawa* yang menurut Poerbatjaraka adalah hasil sastera Jawa yang begitu penting dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Bali dan Sunda. Lain-lain seperti *Serat Kanda*, *Serat Kancil*, *Serat Saloka Darma* (Ismail Hamid 1987, 126; Liaw Yock Fang 1978, 6 dan 30; Nindya Noegraha 1997, 174).



zaman tersebut, malah dipercayai segala isi ceritanya serta dianggap sesuatu yang bernilai tinggi (Mohd Taib t.t.p, 34). *Maṣlahah* di sebalik pengharaman ini adalah kerana ia boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat yang rata-ratanya masih cetek ilmu agamanya. Kemuncaknya adalah isu akidah kerana isi kandungannya yang banyak menyeleweng dan terpesong daripada ajaran Islam sehingga boleh mengelirukan pegangan para pembacanya. Ini kerana karya-karya di atas jelas mengandungi unsur-unsur syirik, khurafat, tahyul dan dongeng yang melampau. Dalam hal ini, pengarang tidak bersendirian kerana telah ada ulama yang mendahuluinya dalam menentang kemungkaran ini seperti Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī (A.Bakar 1976, 64; Jamalluddin 2011, 224; Mohd Taib t.t., 34).

Skop pengharaman ini kemudiannya diperluaskan lagi kepada pembacaan hasil-hasil karya tersebut, sama ada pembaca lelaki atau wanita, dengan didatangkan dalil daripada hadith dan kata-kata ulama sebagai sandaran. Pengarang menyebut (Abdul Qadir 1234H, 13):

*Dan demikian lagi haramlah membaca segala yang tersebut ini laki-laki dan perempuan. Dan lagi larilah segala malaikat sebab busuk bau yang keluar daripada mulut orang yang membaca akan segala hikayat dan syair yang tersebut itu. Maka sayugianya atas orang yang mukmin menakuti akan orang yang membaca akan dia.*

*Dan sabda Nabi ĪallÉ Allah ‘alayh wa sallam:*

{لَإِنَّ يَمْتَلِي بَطْنَ أَحَدِكُمْ قَيْحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلِي شِعْرًا }

*Ertinya:*

*“Bahawa sesungguhnya penuh perut seseorang kamu dengan nanah itu terlebih baik daripada bahawa memenuhi ia akan syair”.*

*Dan kata setengah ulama :*

<sup>6</sup> *Syair Ken Tambuhan* ialah puisi yang berasal dari Jawa. Ia berasal daripada cerita-cerita Panji yang kemudiannya diubahsuai menjadi puisi. Ia biasanya hanya menceritakan sebahagian kisah panji sahaja yang menjadikan jalan ceritanya jauh lebih teratur. Dalam *Syair Ken Tambuhan* ini hanya mengisahkan tentang perkahwinan Raden Inu dengan Ken Tambuhan, berbanding cerita asalnya, *Hikayat Undakan Penurat*. Syair ini banyak menarik perhatian para sarjana. R.O. Winstedt berpendapat bahawa ia dikarang pada zaman kegemilangan kesultanan Melaka pada kurun ke-15. Bagaimanapun, ia disanggah oleh A.Teeuw yang beranggapan bahawa ia baru siap ditulis pada kurun ke-18 (A.Bakar 1976, 69 dan 87; Liaw Yock Fang 1978, 293).

*“Dihimpunkan akan orang yang berkata-kata yang keji itu pada hari kiamat, pada hal ia datang di dalam rupa anjing”.*

Malah, sebagai kesimpulan daripada perbincangan ini, Syeikh telah melakukan generalisasi (*al-ta'mīm*) kepada hukum haram ini, khususnya pengharaman syair dengan mencakupi :

- i- Semua kegiatan yang berkaitan dengan syair, seperti membaca, melazimi dan menjual kitab-kitab yang mengandungi syair.
- ii- Semua syair adalah haram dan dicela oleh syarak, sekalipun isi kandungannya betul dan baik, dengan hujah bahawa ia menghabiskan waktu dengan perkara yang tidak bermanfaat. Berikut adalah kenyataan pengarang (Abdul Qadir 1234H, 13):

*Maka adalah segala orang yang melazimkan bersyair itu yaitu dicela oleh syarak dan jikalau di dalamnya perkataan yang benar lagi baik sekalipun, karena yang demikian itu mengsia-siakan waktu dengan tiada dapat manfaat di dalam akhirat. انتهى*

Penelitian yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa permasalahan hukum ini telah dibincangkan dalam kitab-kitab muktabar dalam mazhab Shāfi'ī (Al-Shirbini 1994, 2:343; Al-Nawawi t.t.p, 9:302). Bagaimanapun, kelebihan bagi pengarang ialah beliau mampu mendatangkan contoh-contoh kitab yang ada pada zaman beliau. Hal ini membuktikan bahawa beliau mampu melakukan *ijtihād tanzīlī*<sup>7</sup>, khususnya yang berkaitan dengan realiti semasa masyarakat pada zaman beliau. Namun begitu, kenyataan pengarang tentang pengharaman syair tidak menepati dengan apa yang disebut oleh ulama mazhab yang terkemuka seperti al-Nawawī. Beliau ketika menghuraikan kitab *al-Muhadhdhab* karangan al-Shīrāzī menyatakan bahawa :

*Para ulama dalam mazhab kami menyatakan : Harus dijual kitab-kitab hadith, fiqah, bahasa, peradaban, syair yang harus diambil manfaat daripadanya, kitab-kitab perubatan, matematik dan sebagainya yang*

<sup>7</sup> Maksudnya ialah ijtihad yang dilakukan mengikut konteks masa dan tempat setelah mengistinbat hukum daripada sumber-sumber syarak yang muktabar. Ia akan berlaku sepanjang zaman mengikut keperluannya dan tidak akan putus sehinggalah berlakunya qiamat (al-Shatibi 1997, 4:463; Wan Mohd Yusof 2010, 296).

*mempunyai manfaat yang diharuskan. Mereka juga menyatakan : Tidak harus menjual kitab-kitab orang kafir kerana tidak ada manfaat yang diharuskan padanya, malah ia wajib dimusnahkan. Pengarang telah menyebutkan permasalahan ini pada akhir Kitāb al-Sayr. Begitu juga dengan kitab-kitab nujum, tipu muslihat, falsafah dan sebagainya daripada ilmu-ilmu yang batil dan haram. Menjualnya adalah batil kerana tidak terdapat manfaat yang diharuskan padanya. Wa Allāh Ta‘ālā A‘lam (Al-Nawawi t.t., 9:303).*

Pernyataan yang hampir sama juga dinukilkan daripada al-Shirbīnī (1994). Hasil perbandingan ini, pengkaji merumuskan bahawa Syeikh Abdul Qadir telah cuba membawakan idea dan perbincangan yang sama, namun ia agak tersasar ketika membahaskan tentang hukum menjual kitab-kitab syair. Beliau menghukumkan pengharaman jualan kitab syair ini secara total, begitu juga pengharaman membaca dan melaziminya, sedangkan al-Nawawī mengharuskan penjualan kitab tersebut jika ia mempunyai manfaat yang diharuskan oleh syarak.

Berkenaan dengan hukum melazimi syair, yang termasuk padanya mendendangkan, menulis, membaca, mendengar atau menghafaz syair, berikut diperincikan pendapat mengikut mazhab Shāfi‘ī (Al-Ghazali 1998, 3:341; al-Nawawi 1998, 15:414; Ibn Hajar al-Haytami t.t., 30):

- i- Harus melagukan, mendengar dan menghafaz syair yang tidak ada kekejian padanya, sama ada syair jahiliyyah atau sebaliknya. Keharusan ini juga disyaratkan agar melazimi syair ini dalam kuantiti yang sedikit. Namun, jika ia dilazimi secara banyak, meluas dan menjadi rutin ke atas seseorang, maka ia adalah dicela. Pendapat ini adalah yang paling masyhur.
- ii- Makruh melazimi syair secara mutlak, sama ada dalam kadar yang sedikit ataupun banyak sekalipun tidak ada unsur kekejian padanya. Pendapat ini dipegang oleh sebahagian ulama.

Justeru, pendapat yang lebih sesuai dipilih ialah pendapat yang pertama yang mengharuskan penggunaan syair dalam perkara-perkara yang bermanfaat, bukan dalam perkara yang keji dan dibenci seperti mencela orang, memuji perkara-perkara yang haram seperti arak, zina, perempuan yang cantik, memuja orang yang zalim atau berbangga dengan

perkara yang haram. Keharusan ini pula mesti digunakan secara terkawal dan tanpa berlebihan sehingga menjejaskan perkara-perkara yang lebih utama seperti zikrullah, mendalami al-Qur'an, hadith dan ilmu-ilmu syarak yang lain. Pendapat ini dipilih setelah menghimpunkan antara hadith-hadith yang mengharuskan kegiatan syair dengan hadith-hadith yang melarang penggunaannya. Ia juga disokong oleh kenyataan yang disandarkan kepada al-Shāfi'ī rahimahullah (Al-Ghazali 1998, 3:342; al-Nawawi 1998, 15:416) : “*Syair ialah sejumlah kata-kata. Yang baik daripadanya adalah baik, dan yang buruk daripadanya adalah buruk.*”

Sementara itu, Syeikh Abdul Qadir dilihat cenderung untuk menerima pakai pendapat yang kedua, malah hingga ke tahap mengharamkannya barangkali merujuk kepada *mafsadah* yang timbul daripada kegiatan tersebut yang berlaku pada zaman beliau. Sekalipun pandangan beliau ini agak keras, ia mampu mendatangkan *mañlahah* yang sejajar dengan keperluan masyarakat pada zaman tersebut, barangkali menggunakan dalil *sadd al-zarai'* dan sebagainya.

### **Kesimpulan dan Penutup**

Sebagai penutup, dapat disimpulkan bahawa isu-isu yang telah dikupas di atas menggambarkan betapa teliti dan pekanya seorang ulama seperti Syeikh Abdul Qadir ini dalam membahaskan permasalahan hukum semasa, khususnya yang berkait dengan kepentingan masyarakat pada zamannya. Dalam mengambil kira keperluan mereka, pengarang dilihat sama sekali tidak mengabaikan tuntutan agama, apatah lagi berkompromi dengan *maqāṣid* syarak demi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat. Pendekatan yang diambil oleh beliau ialah dengan meraikan syarak, *mañlahah* masyarakat akan turut terjaga.

**RUJUKAN**

- A.Bakar Hamid (1976), *Diskusi Sastera, Jilid I*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fathy al-Fatany (2002), *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, Muḥammad ibn Muḥammad (1998), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Kaherah : Dār Miṣr li al-Ṭibā'ah.
- Hamdan Hassan (1980), *Sastera Melayu dan Islam*, dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam : Satu Pertembungan Pemikiran*, Kuala Lumpur : Saujana Enterprise.
- Hasanulddin Mohd dan Abdul Karim Ali (2012), *Shaykh 'Abdul Qadir Bin 'Abdul Rahim Bukit Bayas Dan Kitabnya Risalah Fi Bayan Hukm Al-Bay' Wa Al-Riba: Satu Sorotan*, dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 2, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1994), *Radd al-Muḥtār 'alā Al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, taḥqīq 'Ādil Aḥmad Mawjūd dan 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Haytami (t.t.), *Kaff al-Ra'a' 'an Muharramat al-Lahw wa al-Sima'*, Kaherah: Maktabah al-Qur'an.
- Ismail Hamid (1987), *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Longman.
- Jamalluddin bin Hashim (2011), "Kitab Al-Ṣiraṭ Al-Mustaḳīm Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitāb al-Ṭahārah dan Al-Ṣalāh) : Teks dan Analisis", Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Liw Yock Fang (1978), *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klassik*, Singapura : Pustaka Nasional.
- Mohd Taib Osman (t.t.), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Kuala Lumpur : Federal Publications.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf (1998), *Sharh Sahih Muslim*, Beirut : Dar al-Khayr, j. 15.
- Nindya Noegraha (1997), *Tradisi Penulisan Naskhah Jawa*, dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*.
- Al-Qalisi, 'Ali Ahmad (1997), *Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah. Øan'É': DÉR al-Jami'ah al-Yamaniyyah*.
- Wan Mohd Saghir Abdullah, Haji (1997), *Data Kitab Risalah fi Bayani Hukmil Bai'i war Riba Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fathani di Bukit Bayas Terengganu*, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.

- \_\_\_\_\_. (2000a), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_. (2000b), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu, Jilid 13*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_. (2000c), *Wawasan Pemikiran Islam*, Jilid I, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_. (2000d), *Wawasan Pemikiran Islam*, Jilid III, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_. (2000e), *Wawasan Pemikiran Islam*, Jilid 13, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- \_\_\_\_\_. (2009), *Koleksi Ulama Nusantara*, Jilid 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik (2010), “Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu dalam Penentuan Hukum Islam di Malaysia“, Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.